

'Kami tetap bersyukur'

BESUT: "Walaupun kehilangan pendapatan RM150 sehari kerana tidak boleh berniaga di kedai, namun saya bersyukur kerana masih mempunyai tempat berteduh.

"Setiap kali rumah dinaiki air, saya dan keluarga akan berlindung di kedai," kata mangsa banjir, Nur Amni Che Mind, 29, yang ditemui berlindung di kedainya di Kampung Guntong, Tembila di sini, semalam.

Menurutnya, kedai makan yang diusahakan sejak 2010 terpaksa ditutup sejak tiga hari lalu kerana banjir melanda kampung berkenaan.

Saya tidak kisah kehilangan pendapatan buat sementara waktu ini asalkan kami sekeluarga selamat dan mempunyai tempat berteduh.

"November tahun lalu, saya dan keluarga berpindah ke kedai ini selepas rumah yang terletak kira-kira 100 meter dari kedai dinaiki air sehingga paras pinggang.

"Banjir kali ini memaksa saya sekeluarga berpindah ke kedai ini buat kali kedua dalam tempoh tidak sampai dua bulan dan menyelamatkan barangan berharga apabila rumah ditenggelami air sedalam 1.5 meter, Sabtu lalu," katanya.

Nur Amni berkata, bukan sahaja dia enam sekeluarga berteduh di kedai itu malah jirannya juga turut menumpang.

"Jiran saya tujuh sekeluarga turut berlindung di kedai. Setakat ini jika boleh kami tidak mahu lagi berpindah ke pusat pemindahan namun jika banjir semakin teruk serta diarahkan pihak berwajib, kami

**PINDAH...penduduk
Kampung Nyatoh, Setiu
berpindah selepas rumah
ditenggelami air.**



akan berpindah," katanya.

Jirannya, Rashid Daud, 48, berkata, dia sekeluarga bernasib baik kerana Nur Amni mengizinkan keluarganya berlindung di kedai itu.

"Rumah saya dinaiki air

sedalam lebih 1.5 meter menyebabkan kami terpaksa berpindah. Sebelum berpindah saya sempat menyelamatkan 13 lembu yang ditenak dengan membawa ternakan itu ke tempat le-

bih tinggi.

"Buat masa sekarang, kami sekeluarga akan berteduh di kedai ini dan jika banjir semakin teruk kami akan berpindah ke pusat pemindahan terdekat," katanya.